

10 AUG 1997

KELAB PENERBANGAN KEDAH BERMINAT BELI PESAWAT BUATAN AMERIKA

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Kelab Penerbangan Kedah (KFC) berminat membeli sebuah pesawat Piper Seneca V buatan Amerika Syarikat untuk pelbagai guna termasuk latihan pelatih juruterbang, aerobatik dan penerjunan.

Pengurus KFC Kapt (B) Ahmad Zabidi Md Zain hari ini berkata, pesawat dua enjin itu boleh membawa enam penumpang termasuk juruterbang.

Katanya pesawat berharga kira-kira RM1 juta itu turut dipamerkan pada Langkawi Fly In 1997 yang berakhir Jumaat lepas.

Ahmad Zabidi berkata KFC akan memohon pertimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung kelab itu untuk membeli pesawat itu sebagai menambah pesawat yang sedia ada.

Pada masa ini KFC memiliki sebuah pesawat ringan dan sebuah kit plane iaitu Cessna 172 dan Aviatica.

Ahmad Zabidi berkata KFC turut memohon kepada Dr Mahathir untuk mendapatkan pesawat jenis Bulldog dua tempat duduk yang pada masa ini tidak digunakan lagi oleh Tentera Udara Diraja Malaysia untuk latihan aerobatik dan asas penerbangan.

-- BERNAMA

ZI AKD